



# KUPASAN MUTU JAWAPAN

**KESUSASTERAAN MELAYU**

**2215**

**SPM**

**2 0 1 3**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas soalan mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian Satu dan Bahagian Dua.

**Bahagian Satu**

Bahagian ini terdiri daripada 10 soalan berbentuk struktur dan mengandungi satu atau dua pecahan. Markah diperuntukkan sebanyak 40. Setiap soalan diperuntukkan 4 markah. Calon perlu menjawab semua soalan dalam bentuk struktur atau jawapan ringkas.

**Bahagian Dua**

Bahagian ini mengandungi 6 soalan yang terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Markah diperuntukkan sebanyak 60. Setiap soalan diperuntukkan 20 markah. Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja iaitu satu soalan daripada setiap bahagian. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei. Calon diberi masa selama dua jam tiga puluh minit untuk menjawab kedua-dua bahagian tersebut.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Calon mempamerkan prestasi yang cemerlang pada tahun ini. Calon dapat menjawab soalan dengan baik. Mereka dapat menguasai genre dan istilah kesusasteraan Melayu dengan baik. Namun begitu masih terdapat calon yang lemah dalam penguasaan ilmu Kesusasteraan Melayu. Mereka gagal menjawab soalan dengan tepat dan pada masa yang sama terdapat penggunaan teknik jawapan yang kurang tepat bagi memenuhi kehendak soalan.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Kumpulan Tinggi**

Soalan struktur (soalan Bahagian Satu) dan soalan esei (soalan Bahagian Dua) dapat dijawab dengan cemerlang. Mereka juga dapat menyampaikan isi jawapan yang sesuai dan menepati kehendak soalan dari segi fakta dan contoh berdasarkan petikan yang diberikan dan cerita yang dipelajari. Seterusnya calon menguasai teknik menjawab mengikut kehendak soalan dan ditulis menggunakan bahasa yang baik. Di samping itu, calon mampu menjawab soalan berkaitan penciptaan karya kreatif (pantun empat kerat dan sajak) mengikut arahan soalan dan kreativiti masing-masing.

**Kumpulan Sederhana**

Calon masih dapat menguasai dan menjawab soalan struktur dengan baik. Namun begitu, jawapan calon bagi soalan esei (soalan Bahagian Dua) kurang memuaskan kerana hanya satu soalan dijawab dengan baik, manakala dua soalan lagi jawapannya agak sederhana. Dari segi penyampaian, jawapan calon kurang menepati kehendak soalan sama ada dari segi teknik menjawab mahupun dari segi bahasa. Manakala soalan yang memerlukan fakta dan huraian, calon hanya mampu menjawab fakta sahaja tanpa diikuti dengan huraian atau contoh yang betul. Dalam kumpulan ini, terdapat

calon yang mengemukakan isi jawapan yang masih tidak mencukupi mengikut jumlah yang dikehendaki dalam soalan.

### **Kumpulan Rendah**

Soalan tidak dapat dijawab dengan baik. Dalam Bahagian Satu atau soalan berbentuk struktur, jawapan calon masih lemah. Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan. Jawapan calon menggambarkan calon tidak menguasai teks yang dikaji dan tidak memahami kehendak soalan. Calon juga lemah dalam menjawab soalan Bahagian Dua atau soalan esei. Dalam soalan esei yang mengandungi pecahan a, b dan c, calon menjawab satu atau dua pecahan sahaja dan selebihnya tidak dijawab. Terdapat calon yang tidak menjawab mana-mana pilihan soalan dalam Bahagian Dua. Dari segi teknik menjawab, penyampaian jawapan calon agak lemah. Isi jawapan juga amat terhad dan terlalu pendek selain tidak memenuhi kehendak soalan. Dalam soalan yang memerlukan fakta dan huraian, calon hanya mampu memberikan fakta tanpa diikuti huraian atau contoh termasuk calon yang memberikan contoh yang salah. Ada juga soalan yang calon langsung tidak menjawab.

### **PRESTASI TERPERINCI**

#### **BAHAGIAN SATU ( SOALAN STRUKTUR )**

##### **Soalan 1**

#### **SELOKA MAT JENIN**

Panjat kelapa sampai ke atas,  
Berhenti sebentar sambil berangan,  
Aku ingin nak kaya lekas,  
Dapat duit nak buat modal.

Jual kelapa nak beli ayam,  
Jual ayam nak beli itik,  
Kalau ada emas berkoyan,  
Rupa hodoh pun jadi cantik.

Dipetik daripada *Seuntai Kasih Secebis Harapan*

Nyatakan **dua** gaya bahasa pengulangan berserta contoh yang terdapat dalam petikan seloka di atas.

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan dua unsur gaya bahasa pengulangan berdasarkan petikan puisi Melayu tradisional. Calon perlu mengemukakan contoh yang tepat daripada petikan puisi yang disediakan dan memastikan contoh yang diberi bertepatan dengan unsur gaya bahasa pengulangan yang telah dikenal pasti.

1. Dua gaya bahasa pengulangan beserta contoh ialah
- Gaya bahasa (anafora) contoh <u>Jual kelapa nak beli ayam</u> <u>Jual ayam nak beli itik</u> )
- Gaya bahasa (resposif) contoh ( <u>Jual kelapa nak beli ayam</u> <u>Jual ayam nak beli itik</u> )

Calon berjaya memberikan dua unsur gaya bahasa pengulangan dan contoh yang tepat berdasarkan unsur gaya bahasa pengulangan yang dipilih. Hal ini dibuktikan apabila calon dapat menggariskan contoh gaya bahasa pengulangan yang dipilih untuk memberikan penekanan terhadap unsur gaya bahasa pengulangan yang diberikan iaitu anafora dan responsi.

1	Dua gaya bahasa pengulangan ialah anafora contohnya <u>Jual kelapa nak</u> <del>beli ayam</del> <u>Jual ayam nak beli itik</u> . Seterusnya ialah <del>resposif</del> <u>resposif</u> contohnya <u>Jual kelapa nak beli ayam</u> <u>Jual ayam nak beli itik</u> .
---	---

Contoh di atas memperlihatkan kesilapan calon dari aspek penggunaan istilah. Calon sepatutnya menggunakan istilah responsi bagi menggambarkan pengulangan kata berturutan di tengah baris. Dalam jawapan di atas calon memberikan istilah repetisi walaupun berjaya mengemukakan contoh yang tepat.

Dua gaya bahasa pengulangan beserta contoh ialah
Sinkof - Contoh <u>Jual ayam nak beli itik</u>
Hiperbola - Contoh <u>Kalau ada emas berkecuk</u>

Jawapan tidak menepati kehendak soalan. Hal ini disebabkan calon tidak memahami konsep gaya bahasa pengulangan. Berdasarkan contoh di atas calon mengemukakan contoh yang salah iaitu sinkope dan hiperbola. Sinkope dan hiperbola yang diberi tidak menggambarkan penggunaan gaya bahasa pengulangan.

## Soalan 2

Berdasarkan teks *Seuntai Kasih Secebis Harapan*, nyatakan:

- (a) Satu judul cerita genre **sastera panji**.
- (b) Satu judul cerita genre **sastera lipur lara**.

Soalan ini memerlukan calon menyatakan satu judul cerita bagi setiap satu genre sastera panji dan sastera lipur lara.

2)	a) satu judul cerita genre sastera panji ialah (Mikayat condawan putih)
	b) satu judul cerita genre sastera lipur lara (Mikayat raya langkara) (Mikayat maha maha)

Calon berjaya menyatakan satu judul genre cerita sastera panji dan satu judul cerita sastera lipur lara yang tepat

2)	a) satu judul sastera panji ialah - menggunakan unsur Jawa.
	b) satu judul sastera lipur lara ialah - Terdiri daripada anak-anak raja.

Contoh jawapan di atas tidak menepati kehendak soalan kerana jawapan tidak diberikan judul. Calon sebaliknya mengemukakan ciri-ciri sastera panji dan sastera lipur lara.

### Soalan 3

Maka ujar Muqaddam dan Muqaddim, “Hai tuan puteri, sebenarnya hadis itu, tetapi hatiku tiada tertahan.” Maka Muqaddam dan Muqaddim hendak menangkap tuan puteri. Maka ujar tuan puteri, “Hai Muqaddam dan Muqaddim, mengapakah engkau hendak berbuat dosa kepada Allah SWT dan tiada engkau takut berbuat khianat akan saudaramu Caya Langkara, kerana barang siapa berbuat pekerjaan yang dilarangkan Allah SWT dan yang tiada berkenan kepada nabi kita Muhammad SAW orang itulah yang dimasukkan Allah Taala ke dalam neraka jahanam.”

Dipetik daripada *Hikayat Caya Langkara*

Nyatakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas.

Soalan ini memerlukan calon menyatakan dua pengajaran berdasarkan petikan prosa Melayu tradisional yang diberi.

3. dua pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas ialah:  
\*kita hendaklah meninggalkan pekerjaan yang dilarang oleh Allah SWT supaya tidak dimasukkan ke dalam neraka jahanam.  
\*kita janganlah mengkhianat orang lain kerana suatu hari nanti orang itu akan mengkhianati semula.

Calon berjaya memberikan dua pengajaran yang tepat dan lengkap berdasarkan petikan. Jawapan yang diberikan menggunakan ayat perintah dalam bentuk suruhan atau larangan sebagai pengajaran.

3. dua pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas ialah:  
\*kita hendaklah meninggalkan pekerjaan yang dilarang oleh Allah SWT supaya tidak dimasukkan ke dalam neraka jahanam.  
\*kita janganlah mengkhianat orang lain kerana suatu hari nanti orang itu akan mengkhianati semula.

Jawapan tidak menepati kehendak soalan kerana calon tidak menggunakan ayat perintah dalam bentuk suruhan atau larangan sebagai pengajaran.

#### Soalan 4

Bahasaku,  
kau ialah pengelana  
yang menitikkan madu cinta pada tanah yang kontang  
yang menyuburkan rindu pada segara ilmu  
yang mencambah benih kasih pada pohonan kering dan daunan layu  
yang melarik silaturahmi pada kanvas merah menitis darah 69 jiwa  
dengan satu bahasa

Dipetik daripada sajak *Pengelana Waktu*  
oleh Ruzaini Yahya

Berdasarkan petikan sajak di atas, berikan **dua** gaya bahasa berserta contoh.

Soalan ini memerlukan calon memberikan dua gaya bahasa berserta contoh daripada petikan sajak *Pengelana Waktu*.

4 |  
| dua gaya bahasa berserta contoh ialah:  
| \* Asonansi - yang menitikkan madu cinta pada tanah yang  
| kontang. (penguangan vokal 'a')  
| \* Aliterasi - yang mencambah benih kasih pada pohonan kering  
| dan daunan layu. (penguangan konsonan 'n')

Contoh di atas amat menepati kehendak soalan. Calon telah memberikan dua unsur gaya bahasa berserta contoh yang tepat berdasarkan petikan. Kaedah penulisan contoh juga adalah tepat kerana calon menggarisi pengulangan huruf konsonan n bagi aliterasi dan huruf vokal a untuk asonansi daripada contoh yang dipilih.

A | Dua gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas ialah  
| Ansonansi. Contoh ayat: yang menitikkan madu cinta pada tanah  
| yang kontang. Selain itu hiperbola. Contoh ayat: yang menyuburkan  
| rindu pada segara ilmu.

Jawapan yang diberikan masih mengikut kehendak soalan. Walau bagaimanapun contoh yang diberikan tidak tepat untuk gaya bahasa asonansi. Unsur gaya bahasa kedua juga adalah salah.

## Soalan 5

IMRAN : Waktu kami di universiti dulu. Ketika itu kami sedang bermotosikal ke Petaling Jaya, nak pergi makan. Masa itu abang bawa motor ikut perasaan dan hati muda. Apabila sudah berlaku, baru menyesal. Tapi dah tak berguna, dah sakit dan cacat. Nasib baik tak habis terus.

NORHAYATI : (*Sebak*) Abang, kerana abang suami Yati, ayah kepada anak Yati ... dan jujur memberitahu apa yang sudah berlaku, Yati maafkan abang. Yati faham semuanya itu bukan kehendak abang, tetapi sudah takdir ....

IMRAN : (*Terharu*) Terima kasih, Yati ... abang bersyukur Yati percaya cakap abang. Demi Allah, apa-apa yang abang katakan ini betul, Yati.

Dipetik daripada drama *Menggapai Pelangi*  
oleh Taha Abd Kadir

Senaraikan **dua** nilai murni berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama di atas.

Calon dikehendaki menyenaraikan dua nilai murni beserta contoh yang terdapat dalam petikan drama *Menggapai Pelangi*.

5 | Dua nilai murni beserta contoh:-

(i) Keinsafan.

= Imran menyesal selepas mengingati perkara yang lalu yang menyebabkan Norasma menjadi cacat selepas kemalangan.

(ii) Kejujuran.

= Norhayati lagum akan perkataan yang Imran ucapkan selepas Imran jujur akan ~~akan~~ kejadian kemalangan itu.

Calon berjaya menyenaraikan dua nilai murni beserta contoh yang tepat daripada petikan drama. Penggunaan perkataan menyesal dalam contoh amat bertepatan dengan nilai keinsafan. Begitu juga dengan contoh yang dikemukakan dalam nilai kejujuran apabila calon menekankan frasa jujur akan kejadian kemalangan.

5	- Dua nilai murni beserta contoh ialah
	i) Kejujuran - Imran jujur memberitahu apa yang sudah berlaku pada masa dahulu semasa dia dan Atsyah kemalangan.
	ii) Pemaaf - Norhayati memaafkan Imran dan anggap itu semua adalah takdir.

Jawapan di atas memperlihatkan kesilapan calon dari aspek pemilihan nilai murni yang tepat. Perkataan pemaaf merujuk aspek perwatakan seseorang dan jawapan yang dikemukakan tidak menepati kehendak soalan.

### Soalan 6

#### **BABAK II**

*RAJA SULAIMAN SYAH masuk dengan terhunus keris di tangan, tidak bertanjak dan berkeadaan cemas.*

RAJA SULAIMAN : Bila kau berundur ke Ulu Muar ini?

SERI NARA : Pagi-pagi semalam. Sepanjang malam meredah hutan rimba berlindung di sini.

RAJA SULAIMAN : Kau luka, Hang Kadim? (*Datang rapat memegang balutan luka di tangan HANG KADIM. HANG KADIM tersandar keletihan.*) Nasibku baik, dapat melepaskan diri. Kalau tidak, mati aku bersama pasukan hulubalang kita.

Dipetik daripada drama *Bendahara Tepok*  
oleh Shahrarom Husain

Berikan **dua** ciri drama berdasarkan petikan drama di atas.

Calon diminta untuk memberikan dua ciri drama yang terdapat dalam petikan drama *Bendahara Tepok*.

6 i) mempunyai banyak babak dalam satu cerita

contoh: Babat II

ii) ~~ada~~ berciri dialog

contoh. Raja Sulaiman: Bila kau berundur ke Ulu Muar ini?

Jawapan calon menyatakan dua ciri drama yang tepat berdasarkan petikan drama. Calon berjaya menganalisis petikan drama untuk menentukan kedua-dua ciri drama tersebut.

6) Dua ciri drama

i) mempunyai unsur peperangan

ii) menggunakan gelaran raja

iii) menggunakan istana

Jawapan menunjukkan calon tidak dapat menyatakan dua ciri drama dengan tepat sebaliknya menyatakan ciri-ciri sastera Melayu tradisional.

### Soalan 7

“Kami tak ingin mengulangi kesilapan lalu. Kami mau berubah menjadi warga yang berguna,” tambah Lamin penuh kekesalan.

“Baguslah kalau kalian dah insaf. Bagi diriku tiada sebutir dendam pun bertapak di ruang dada ini. Kalian masih tetap rakan karibku. Oleh itu, aku harap selepas menjalani hukuman nanti kalian akan bersama-samaku mengembangkan projek menternak burung ruak-ruak tu. Buktikan bahawa kita mampu menebus kesilapan masa lalu.

Dipetik daripada cerpen *Melakar Impian*  
oleh Mohd Kasim Mahmud

Berdasarkan petikan cerpen di atas, berikan **dua** pengajaran.

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan dua pengajaran berdasarkan petikan cerpen *Melakar Impian*.

7	Dua pengajaran daripada cerpen :
	- Kita mestilah menginsafi diri kejalan yang benar supaya kita tidak melakukan kesilapan yang sama
	- Kita jangan janganlah menyimpan perasaan dendam terhadap seseorang supaya kita tidak melakukan kesilapan

Contoh jawapan di atas adalah tepat. Calon berjaya menggunakan kata suruhan dan larangan bagi menggambarkan pengajaran.

7. Berfikir ke arah masa depan.
Berwaja bertanggung-jawab.
Tidak mudah berputus asa.
Berfikiran patriotik
Semangat Gelora semangat.

Calon tidak menulis pengajaran tetapi menyalin fakta terpilih daripada petikan cerpen.

### Soalan 8

Begitu pada subuh yang tenang itu, ketika orang sedang mula datang ke surau, tiba-tiba telefon di ruang tamu berdering minta diangkat. Dan, apabila saja Siti Halijah mendengar suara di hujung gagang, adanya berdebar seperti dikejutkan oleh guruh pagi. Tentulah ada sesuatu yang berlaku. Kalau tidak tidakkan madunya itu sudi menelefon pada subuh bening begitu.

Dipetik daripada cerpen *Warna Hati Seorang Datin*  
oleh Rahman Haji Yusof

Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan:

- (a) **Satu** latar tempat.
- (b) **Satu** latar masyarakat.

Calon diminta untuk menyatakan satu latar tempat dan satu latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen *Warna Hati Seorang Datin* karya Rahman Haji Yusof.

8

a) Di <sup>surau</sup> rumah Siti Halijah

b) masyarakat yang taat kepada perintah Allah.

Calon berjaya menyatakan satu latar tempat iaitu rumah Siti Halijah yang terdapat dalam petikan cerpen. Jawapan latar masyarakat yang diberikan juga tepat iaitu masyarakat yang taat kepada perintah Allah.

a) di rumah kediaman seorang datin, iaitu Siti Halijah.

b) masyarakat yang prihatin pengayang dan baik hati serta berkejujuran.

Contoh jawapan di atas menggambarkan kesalahan calon menulis latar tempat. Jawapan yang diberikan merujuk latar tempat di rumah Datin dan bukan di rumah Siti Halijah sebagaimana yang terdapat dalam petikan. Seterusnya, latar masyarakat yang dinyatakan oleh calon tidak terdapat dalam petikan.

### Soalan 9

Sesekali terbayang juga wajah Latifah yang begitu terserlah kecantikannya. Dalam usia sunti itu Latifah begitu matang perawakannya. Tutar katanya lembut. Tingkahnya sopan. Sebagai anak muda, Jalil tidak terlepas daripada berangan-angan untuk memiliki gadis sebaik dan secantik Latifah.

Dipetik daripada novel *Dari Lembah ke Puncak*  
oleh Ghazali Lateh

Berikan **dua** perwatakan Latifah yang terdapat dalam petikan di atas.

Soalan ini memerlukan dua perwatakan Latifah yang terdapat dalam petikan novel *Dari Lembah ke Puncak*.

9 Dua perwatakan <sup>Latifah</sup> ~~Latifah~~ yang terdapat dalam petikan ialah Latifah seorang yang cantik terserlah. Selain itu seorang yang matang perawakannya. Beterusnya, seorang yang tutur kata lembut. Akhir, seorang yang sopan ~~tiada~~ tingkahnya.

Jawapan yang diberi memenuhi kehendak soalan. Jawapan ditulis mengikut teknik penulisan yang betul untuk perwatakan seperti seorang yang cantik dan seorang yang matang.

Dua perwatakan Latifah ialah kesopanan dan baik hati.

Jawapan tidak menepati kehendak soalan. Calon tidak menulis dua perwatakan sebagaimana arahan dalam soalan sebaliknya memberikan dua nilai murni iaitu kesopanan dan baik hati. Teknik penulisan perwatakan perlu memasukkan frasa seseorang yang.

### Soalan 10

“Bukan banyak, tak sampai pun RM200.00, itu pun susah kami dapatkan.” Sekali lagi dia bersungut sendiri.

Tiba-tiba basikalnya terus berhenti. Anuariza memberhentikan basikal dengan kakinya, dia turun untuk memeriksa kerosakan.

Dipetik daripada novel *Jeriji Kasih*  
oleh Ramlah Abd. Rashid

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **satu** teknik penceritaan berserta contoh.

Soalan memerlukan calon mengemukakan satu teknik penceritaan berserta contoh yang sesuai daripada petikan novel *Jeriji Kasih* oleh Ramlah Abd. Rashid.

10 (Satu teknik penceritaan yang terdapat dalam petikan ialah monolog) (contohnya “Bukan banyak, tak sampai pun RM 200.00, itu pun susah kami dapatkan.” Sekali lagi dia bersungut sendiri.) (Selain itu, pemerian contohnya tiba-tiba basikalnya terus berhenti. Anuariza memberhentikan basikal dengan kakinya, dia turun untuk memeriksa kerosakan.)

Calon berjaya menyatakan satu teknik penceritaan iaitu monolog. Contoh yang diberikan oleh calon untuk teknik monolog adalah betul.

10 Satu teknik penceritaan berserta contoh ialah teknik dialog. Contohnya “ bukan banyak, tak sampai RM200.00. Itu pun susah kami dapatkan.” Selain itu, teknik suspens. Contohnya, tiba-tiba basikalnya terus berhenti.

Jawapan tidak menepati kehendak soalan. Teknik penceritaan dialog dan suspens tidak tepat dengan petikan yang diberi.

## KUPASAN MUTU JAWAPAN ( SOALAN ESEI )

### BAHAGIAN DUA

#### Soalan 1

*Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

#### **Pantun Empat Kerat – Dagang**

Tanam delima di tengah padang,  
Raja berarak dari Asahan;  
Terimalah saya anaknya dagang,  
Datang dengan kain basahan.

Buah langsung gendong di kain,  
Pokok rendang bergantung-gantung;  
Bukan dagang datang bermain,  
Dagang datang mencari untung.

Kedidi di pasir gosong,  
Anak murai putih dadanya;  
Tarik nafas kenangkan untung,  
Jatuh berderai air matanya.

Ada anjung tingkapnya empat,  
Satu pintu hadap ke laut;  
Anak dagang mencari tempat,  
Sebagai ajal ditunda maut.

Sengkalan kayu sengkawang,  
Ketiga dengan kayu kelat;  
Dagang saya sudah terbang,  
Sebagai ikan di luar belat.

**a) Berikan empat ciri pantun di atas.**

Soalan ini memerlukan calon memberikan empat ciri pantun yang terdapat pada Pantun Empat Kerat – Dagang.

1 a) Ciri pantun yang pertama ialah mengandungi 5 rangkap, bilangan baris ialah empat baris serangkap. Rima akhir setiap rangkap ialah abab dan pantun ini berbentuk terikat.

Calon berjaya memberikan empat ciri pantun berdasarkan Pantun Empat Kerat Dagang. Empat ciri yang diberikan calon ialah bilangan rangkap pantun, bilangan baris dalam setiap rangkap, rima akhir setiap rangkap dan merumuskan bentuk rangkap iaitu berbentuk terikat.

1 a)	Empat ciri pantun ialah Asonansi <del>tanam delima</del> <del>di tengah padang</del> contohnya <u>tanam delima</u> di <u>tengah</u> <u>padang</u> . Selain itu, Aliterasi contohnya <u>Raja berarak</u> dari <u>Asahan</u> . Di samping itu, Metafora contohnya, <u>Satu pintu hadap ke laut</u> . Repetisi contohnya, <u>Bukan dagang datang bermain</u> , <u>Dagang datang</u> <u>mencari untung</u> .
------	--

Jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan iaitu ciri pantun. Calon mengemukakan unsur gaya bahasa dalam jawapan seperti asonansi, aliterasi, metafora dan repetisi yang bukan ciri pantun.

**b) Huraikan maksud rangkap dua dan rangkap tiga pantun tersebut.**

Calon dikehendaki untuk menghuraikan maksud bagi rangkap dua dan rangkap tiga Pantun Empat Kerat – Dagang

1 (a)	<p>Ciri pantun pertama ialah mengandungi 5 rangkap. Kedua, Setiap rangkap mempunyai 4 baris. Setiap baris mempunyai (<del>2 maksud dan</del>) (<del>dua</del>) (<del>2 peras</del>) 2 pembayang dan 2 maksud. Jumlah perkataan 3 hingga 5 patah perkataan. Contoh bagi 3 ialah pokok rendang bergantung - gantung, manakala contoh bagi 5 ialah Tanam delima di tengah padang. Jumlah suku kata ialah 6-10 suku kata. Contoh bagi 6 ialah pokok/rendang/bergantung/-gantung, manakala contoh bagi 10 ialah Tanam/delima/di/tengah/padang. Rima akhir ialah abab. Bentuk tidak terikat.</p>
-------	--

Jawapan memperlihatkan dua idea yang bertepatan dengan maksud pada rangkap kedua dan dua idea lagi pada maksud rangkap ketiga pantun. Dalam rangkap kedua, dua idea yang dinyatakan ialah penyair merantau bukan untuk berseronok dan idea kedua ialah penyair merantau untuk mencari sumber pendapatan yang halal. Dalam rangkap ketiga, calon berjaya menyatakan penyair mengenang nasib hidupnya di perantauan dan idea kedua calon ialah penyair berasa sedih dengan kehidupannya.

(b)	<p>Maksud rangkap dua ialah perdagangang bukan datang untuk bermain manakala dagang ialah sesuatu datang untuk <del>men</del> mencari untung. Maksud rangkap tiga ialah berusaha untuk menghadapi masalah untung dan janganlah jatuh air <del>men</del> mata.</p>
-----	---

Calon menulis perkataan perdagangang yang memberikan maksud yang berbeza daripada kehendak soalan sekali gus menyebabkan maksud bagi rangkap yang diberi tidak tepat.

### c) Ciptakan dua rangkap pantun bertemakan akhlak yang baik.

Calon perlu mencipta dua rangkap pantun empat kerat yang bertemakan akhlak yang baik. Pantun yang dicipta perlu menepati ciri-ciri bentuk pantun empat kerat, tema yang dikehendaki dan menggunakan bahasa yang indah.

(c)	Pantun Empat Kerat - Akhlak yang baik
	Petang-petang makan batik, Batik di beli di pasar raya, Biar rupa tak cantik, Asalkan baik akhlak nya.
	Air kelapa air tebu, Sedap diminum di hari selasa, Berbuat baik lah selalu, Supaya diri di pandang mulia.

Contoh menunjukkan calon berjaya mencipta dua rangkap pantun empat kerat bertemakan akhlak yang baik. Pantun yang dicipta menepati aspek bentuk dan memperlihatkan penciptaan pembayang pantun yang menggunakan unsur alam dan saling berkait. Bahagian maksud pada baris ketiga dan keempat setiap rangkap pantun yang dicipta menepati tema dan mempunyai nilai yang diterapkan.

c	Ibu binatang memberi makanan kepada anaknya, Anak binatang sebagai penting terhadap ibunya; Membuatlah baik dalam kehidupan, Menerima pelbagai cabaran dan dugaan.
	Apabila binatang cedera, Ibunya mestilah mengambil perhatian kepada anaknya; Sentiasa menghulurkan bantuan kepada orang, Tidak mempunyai sikap yang kejam.

Contoh di atas bukan berbentuk pantun kerana penciptaannya tidak menepati ciri-ciri pantun. Pantun yang dicipta oleh calon tidak mempunyai pembayang dan maksud pada setiap rangkap pantun. Rima akhir setiap rangkap adalah bebas dan bilangan perkataan setiap baris tidak berada dalam lingkungan empat hingga lima patah perkataan. Selain itu, bilangan suku kata setiap baris juga tidak berada dalam lingkungan 12 suku kata sebaris.

2. Berdasarkan Hikayat Cendawan Putih:

a) Jelaskan dua latar tempat dalam cerita tersebut.

Soalan ini memerlukan calon menjelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam Hikayat Cendawan Putih. Latar tempat perlu disertakan dengan contoh yang sesuai daripada cerita tersebut.

2	2. Berdasarkan Hikayat Cendawan Putih
	(a) Jelaskan dua latar tempat dalam cerita tersebut.
	- Dua latar tempat dalam cerita tersebut ialah Gunung Meraksa dan Dewa yang terletak di hutan rimba. Di situ lah Raden Kesuma Wati, Raden Kesuma Ningrat dan Puteri Pelingsan Cahaya pergi meneati telur burung merpati putih.
	Latar tempat seterusnya ialah Negeri Kesambi Pura dimana Puteri Pelingsan Cahaya berubah menjadi seorang lelaki bernama Bambang Gajah Merta dan telah mengahwini Tuah Puteri Ratah Meha kerana berjaya mengeluarkan buah limau nipis dalam lubang tanah mengaulakan tiga biji.

Jawapan memperlihatkan calon berjaya mengemukakan dua latar tempat dalam cerita iaitu di Gunung Meraksa Dewa dan di Negeri Kesambi Pura. Bagi setiap latar tempat yang dinyatakan, calon dapat menyatakan peristiwa yang berlaku di tempat tersebut.

2	(a) Latar tempat ialah istana dan surau.
	(b) keberanian, kasih sayang dan kesetiaan. tiga nilai murni terdapat dalam hikayat cendawan putih ialah keberanian, kasih sayang dan kesetiaan.

Jawapan menunjukkan calon tidak dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Latar tempat yang diberikan oleh calon tidak terdapat dalam Hikayat Cendawan Putih.

**b). Berikan tiga nilai murni berserta contoh.**

Soalan ini memerlukan calon memberikan tiga nilai murni yang terdapat dalam Hikayat Cendawan Putih. Setiap nilai murni yang diberikan perlu dibuktikan dengan contoh peristiwa.

(b) Tiga nilai murni bersejuta contoh
Nilai murni yang pertama ialah berani <del>contoh</del> keberanian
contohnya walaupun Putri Pelanggaran Cahaya seorang wanita
tetapi dia berani mengembata seoran dihi ke hutan. Nilai
murni yang kedua ialah kepatuhan contohnya dua ekor
landak, burung merbah dan naga patuh akan Raden Kesuma
Ningrat dan nilai murni yang ketiga ialah baik hati
contohnya Raden Kesuma Ningrat membayar ganti rugi seorang
pekedai kerana Raden Kesuma Wati telah mencuni makanan
di kedai tersebut.

Terdapat tiga nilai murni yang tepat dalam contoh di atas iaitu nilai keberanian, kepatuhan dan baik hati. Setiap nilai tersebut calon berjaya membuktikan peristiwa yang tepat berdasarkan cerita dalam Hikayat Cendawan Putih.

b) Tiga nilai murni beserta contoh ialah:

- bertanggungjawab

contoh: Raja tersebut seorang yang bertanggungjawab terhadap kerajaannya.

- keprihatinan

contoh: Raja seorang yang prihatin terhadap rakyatnya.

- kerajinan

contoh: Raja seorang yang rajin

Jawapan memperlihatkan calon berjaya menyatakan tiga nilai murni yang terdapat dalam Hikayat Cendawan Putih iaitu bertanggungjawab, keprihatinan dan kerajinan. Bagaimanapun, contoh peristiwa yang diberikan oleh calon tidak terdapat dalam cerita Hikayat Cendawan Putih.

### Soalan 3

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### PULANG

semalam kita dipertemu  
kurasa debar sejenak  
kita jalin persahabatan  
setia anak watan  
menguntum senyum  
berbunga tawa

semusim kukembara  
sesaat teringat pertemuan di hujung musim  
seakan matamu berkata  
rerambut hitammu berbisik  
hatimu menyanyi:  
kawan  
terbanglah bersama beburung di gunung  
menarilah bersama  
riak ombak di laut

kini aku mengerti  
padi menguning melambai pulang  
air kali berkocak rindu  
seruling senja sayu berlagu:  
pulang anak kembara pulang  
pulang pulang anak kembara pulang

dik  
kukalung bintang kejora  
seketul mutiara  
segulung kertas bertinta emas  
buat dirimu dilamun rindu

#### ADI BADIOZAMAN TUAH

a) Nyatakan empat gaya bahasa berserta contoh.

Soalan ini memerlukan calon menyatakan empat gaya bahasa beserta contoh yang tepat daripada sajak bertajuk Pulang karya Adi Badiozaman Tuah.

3 a) Gaya bahasa yang terdapat dalam sajak ialah asonansi, contohnya berbunga tawa. Kedua ialah aliterasi, contohnya menguntum senyum. Ketiga ialah sinkof contohnya dirimu, kurasa. Keempat ialah anafora contohnya, pulang anak kembara pulang, pulang anak kembara pulang

Jawapan yang diberikan tepat dari aspek pernyataan gaya bahasa puisi dan contoh gaya bahasa yang diberikan. Calon mengemukakan empat gaya bahasa iaitu asonansi, aliterasi, sinkope dan anafora. Kesemua gaya bahasa tersebut disertakan dengan contoh yang betul berdasarkan sajak bertajuk Pulang. Teknik penulisan gaya bahasa juga tepat.

Bahagian B  
(puisi moden dan Drama)

3. a) Empat gaya bahasa serta contoh.

Gaya bahasa yang pertama ialah aliterasi. Ini dapat dilihat melalui pengulangan huruf vokal 'u'. Contohnya: terbanglah bersama bebung di gungung.

Gaya bahasa yang kedua ialah asonansi. Ini dapat di buktikan melalui pengulangan huruf konsonan 'm'. Contohnya, rerambut hitammu berbisit. Yang ketiga ialah pengulangan ayat pada awal baris. Contohnya, pulang anak kembara pulang  
pulang pulang anak kembara pulang.

Yang keempat ialah pengulangan ayat pada tengah baris. Contohnya, pulang anak kembara pulang  
pulang pulang anak kembara pulang

Dua gaya bahasa yang diberikan oleh calon dalam contoh di atas adalah tepat iaitu asonansi dan aliterasi. Bagaimanapun contoh yang diberikan bagi kedua-dua gaya bahasa tersebut adalah salah. Selain itu terdapat kesilapan penggunaan istilah. Calon

menulis pengulangan ayat pada awal baris yang sepatutnya ditulis sebagai anafora walaupun contoh yang diberikan itu adalah betul.

**b) Huraikan satu persoalan yang ingin disampaikan oleh penyajak.**

Soalan ini memerlukan calon menghuraikan satu persoalan yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam sajak bertajuk Pulang.

3 b) Persoalan yang hendak disampaikan oleh pengarang ialah cinta akan tanah air. Contohnya, penyajak pulang semula ke tanah air selepas lama merantau.

Contoh di atas menunjukkan calon berjaya menghuraikan satu persoalan yang hendak disampaikan oleh penyajak. Calon menghuraikan persoalan tentang cinta akan tanah air dan disertakan contoh yang relevan.

b) ... Persoalan yang ingin disampaikan oleh penyajak ialah penyajak ingin menceritakan tentang pertemuannya dengan seseorang dan menjalin persahabatan. Penyajak menyeru agar ~~ataak~~ rakannya pulang. Penyajak juga menyedari bahawa masa sudah pun berlalu dengan pantas sekali. Penyajak juga menulis surat untuk ayahnya agar dapat mengubek minda terhadapnya.

Jawapan yang diberi tidak menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan maksud sajak.

c) Cipta sebuah sajak yang bertemakan kasih sayang. Panjangnya sajak tersebut antara 12 hingga 15 baris.

Soalan ini memerlukan calon mencipta sebuah sajak yang panjangnya antara 12 hingga 15 baris dan bertemakan kasih sayang. Penciptaan sajak ini perlu memperlihatkan bentuk sajak dan menggunakan bahasa yang indah.

Tajuk: Mendakap Kasih

Kekasih, engkau cintaku  
tanpamu hidupku sepi  
tanpamu nafasku terhenti  
rinduku terhadapmu  
tiada noktah penantian.

Kekasih, aku sedia mengabdikan diri  
menjadi permaisuri hatimu  
setiap waktu terasa damai  
andai kau ada di sisiku  
Kau permata kasihku.

Kekasih,  
bagai cintaku kepada Allah dan Rasyid  
tiada erti perpisahan dalam  
kamus perkasihanku.

November 2013

Contoh di atas merupakan penciptaan sajak bertemakan kasih sayang dengan tepat dan ditulis mengikut arahan iaitu 12 hingga 15 baris. Sajak ini menggunakan bahasa yang indah. Terdapat gaya bahasa sinkope, simile dan metafora dalam sajak ini. Sajak ini juga lengkap dari aspek bentuk kerana calon memberikan tajuk dan tarikh penciptaan.

3 (c)

(Semalam kau masih bersama  
bercumbu dan menyayu

adakah hari esok

untuk kita berpisah

seperti yang telah kita lewati

Tiada guna aku hidup bagini

tanpa belaian kekasih yang sangatku sayang,

kepedihan kini tu rasakan

darimu yang mencinjai aku

Pulenglah sayangku tu rindu padamu

Janganlah kau ragu tentang kasih sayangku

Kasih sayangku hanyalah satu

kepada fuhantu dan kepadamu.)

Contoh di atas memperlihatkan penciptaan sajak yang terdapat unsur ciplak seperti dalam rangkap pertama. Rangkap ini diciplak daripada senikata sebuah lagu sekali gus tidak menggambarkan jawapan yang tepat dan penciptaan yang asli.

4. Berdasarkan drama Dongeng Sang Puteri karya Wan Ahmad Ismail:  
a) Jelaskan dua konflik antara watak yang terdapat dalam drama ini.

Soalan ini memerlukan calon menjelaskan dua konflik yang berlaku antara watak yang terdapat dalam drama Dongeng Sang Puteri.

4 (a)

Dalam drama Dongeng Sang Puteri terdapat beberapa konflik. Pertama, konflik antara Putera dengan Mamat. Dalam drama ini, Putera kecewa kerana Mamat melarikan kipas dan topengnya. Selain itu, terdapat konflik antara Puteri Lelawati Ayu dengan Tengku Mahmud Baginda. Sebagai contoh, Puteri Lelawati Ayu marah akan Tengku Mahmud Baginda kerana ayahnya itu tidak menjaga Puteri sejak kecil.

Jawapan menunjukkan calon berjaya menjelaskan dua konflik antara watak dalam drama dengan tepat kerana setiap konflik disertakan contoh yang relevan.

4 (a) dalam dua konflik antara watak yang terdapat dalam drama tersebut ialah ibu puteri dihalau keluar oleh orang-orang istana kerana tidak memeluk nama dan keturunan Tengku Mahmud iaitu suaminya kerana sukut istananya yang tidak elok. Konflik yang kedua ialah Nenek Kebayan dan puteri dihalau dari rumah di rumah usang tersebut, iaitu Nenek Kebayan membantah untuk terus tinggal di rumah tersebut.

Contoh jawapan di atas memperlihatkan kesilapan calon kerana calon tidak menyatakan konflik antara watak. Sebaliknya calon menghuraikan peristiwa yang berlaku dalam drama tersebut.

**b) Nyatakan satu latar tempat berserta contoh.**

Calon diminta untuk mengemukakan satu latar tempat berserta contoh yang relevan dalam drama Dongeng Sang Puteri.

(b) . Satu latar tempat yang dimainkan ialah rumah usang nenek kebayan.

Contohnya Nenek kebayan tinggal bersama puteri iaitu cucunya

dan di ritualah tempat puteri dijaga panah oleh Nenek kebayan semasa

kecil

Latar tempat iaitu rumah usang Nenek Kebayan dalam contoh di atas merupakan jawapan yang tepat. Calon juga berjaya menjelaskan contoh peristiwa yang berlaku di tempat tersebut berdasarkan drama Dongeng Sang Puteri.

4 (b) Latar tempat dalam drama tersebut adalah di Kampung Baru. Di sini ibu Puteri dilahirkan. Di sini juga ibu Puteri membesarkan sehingga dia berkahwin dengan ayah Puteri.

Contoh di atas adalah tidak tepat kerana calon memberikan latar tempat yang tidak terdapat dalam drama Dongeng Sang Puteri. Latar yang dinyatakan itu sebenarnya wujud dalam drama Muzikal Kampung Baru.

**c) Huraikan empat peristiwa yang membawa kepada klimaks drama.**

Soalan ini memerlukan calon menghuraikan empat peristiwa yang membawa kepada klimaks drama Dongeng Sang Puteri.

c) Empat peristiwa yang membawa kepada klimaks ialah, Puteri mengetahui kisah hidupnya yang sebenar melalui neneknya. Selain itu peristiwa pendedahan kisah bondanya yang dihinak oleh masyarakat melalui neneknya. Melalui putera, Puteri mengetahui pertalian darah antara dia dengan Tengku Mahmud. Tengku Mahmud mempelawa Puteri dan kebayan untuk tinggal bersama-sama nya di Rumah Istana Besar Istana, tetapi puteri menolaknya. Akhirnya kebayan membuat keputusan bahawa puteri perlu menerima pelawaan Tengku Mahmud untuk tinggal di Rumah Besar Istana.

Contoh di atas menggambarkan empat peristiwa yang membawa kepada klimaks drama Dongeng Sang Puteri. Calon dapat menyusun peristiwa-peristiwa tersebut mengikut urutan cerita dalam drama tersebut.

c)	Empat peristiwa yang membawa kepada klimaks drama ialah,
1.	Mahamad sering mengunjungi rumah nenek kebayan dan Tuan Puteri.
2.	Mahamad memberitahu Tuan Puteri bahawa dia adalah seorang puteri.
3.	Mahamad memberitahu bahawa Agan Raja ingin ingin berjumpa dengan Tuan Puteri.
4.	Tuan Puteri pergi ke istana untuk untuk berjumpa dengan Raja.

Contoh jawapan di atas menggambarkan empat peristiwa yang terdapat dalam drama Dongeng Sang Puteri. Bagaimanapun, calon melakukan kesilapan dengan menyatakan watak yang salah. Sebagai contoh dalam peristiwa mengunjungi rumah Nenek Kebayan

watak yang dinyatakan ialah Mohamad sedangkan watak ini tidak wujud dalam drama tersebut.

**5. Berdasarkan cerpen Rindu Tanah Melayu karya Hashim Latiff:  
a) Huraikan tema cerpen tersebut.**

Soalan memerlukan calon menghuraikan tema bagi cerpen Rindu Tanah Melayu. Calon juga dikehendaki menyertakan contoh yang sesuai bagi tema tersebut.

Tema cerpen ini mengenai perasaan cinta seorang bekas tentera Komunwel kepada seorang gadis Melayu. Contoh, Seremai Vakarusa mencintai seorang gadis Melayu iaitu Salmah sehingga datang kembali ke Tanah Melayu untuk melamar Salmah sebagai isterinya.

Contoh jawapan calon menepati kehendak soalan. Calon juga menghuraikan tema menggunakan peristiwa yang berkaitan dengan tema tersebut.

5(a)	Tema cerpen tersebut ialah bertamahan perkenalan antara Prajurit dengan rakyat Malaysia. iaitu contohnya percintaan Seremaya Vakarusa dengan Salmah.
	Tema yang kedua pula ialah, percintaan yang akhirnya membawa kepada perpisahan. Contohnya Seremaya Vakarusa tidak kembali ke Malaysia kerana hendak meng melamar Salmah tetap. Salmah menolaknya kerana umur mereka yang seramai tua dan telah menyebabkan mereka berpisah.
	Tema yang ketiga ialah, Seorang prajurit (portugis) <sup>Fiji</sup> yang mencintai Salmah dan Malaysia. Contohnya Seremaya Vakarusa mencintai Salmah dan ingin menetap di Malaysia.

Calon tidak dapat mengemukakan tema dengan betul malahan menyenaraikan lebih daripada satu tema. Hal ini menggambarkan calon tidak menguasai konsep tema yang memerlukan hanya satu persoalan utama.

b) Jelaskan dua perwatakan Salmah.

Soalan ini memerlukan calon mengemukakan dua perwatakan Salmah yang terdapat dalam cerpen Rindu Tanah Malaya karya Hashim Latiff. Calon perlu mengemukakan contoh yang tepat dengan merujuk perwatakan Salmah.

5 (b) Dua perwatakan Salmah:  
Berdasarkan Cerpen Rindu Tanah Malaya terdapat dua perwatakan Salmah iaitu seorang gadis kampung yang ~~baik hati dan~~ baik hati. Contohnya, Salmah menetas di kampung halaman dan tinggali bertampan yang suka. Selain itu, Salmah seorang yang baik hati. Contohnya Salmah yang merawat luka tentera yang mengalami kecederaan seperti Seremaia Vakarusa. Setemunya, seorang yang ~~baik hati~~ baik hati tentang perubatan tradisional. Contohnya, Salmah hanya menggunakan daun di sampingnya untuk merawat luka Seremaia Vakarusa. Di samping itu, Salmah seorang yang mendia di. Contohnya Salmah meniar cinta Seremaia Vakarusa kerana dia sudah uzuk ~~dan~~ akhir sekali, Salmah seorang yang baik hati. Walaupun hidup berseorangan dan ~~uzuk~~ uzuk namun dia tidak pernah melungut. ~~menganggap~~

Calon berjaya menghuraikan dua perwatakan Salmah dengan contoh yang tepat. Calon juga menggunakan teknik penulisan yang betul untuk menggambarkan perwatakan. Calon telah menyatakan bahawa Salmah seorang yang baik hati. Sebagai contoh Salmah merawat luka tentera yang mengalami kecederaan iaitu Seremaia Vakarusa.

b) Salmah mempunyai watak seorang yang bertanggungjawab. Contohnya, dia merawat Seremata Vakarusa hingga sembuh. Dia juga seorang yang pemaaf. Contohnya Salmah memaafkan Seremata yang meninggalkannya.

Kelemahan calon ialah calon memberikan perwatakan Salmah yang tidak tepat. Contoh bagi setiap perwatakan juga tidak bertepatan dengan kandungan cerpen Rindu Tanah Malaya.

**c) Nyatakan dua pengajaran berserta contoh.**

Soalan ini memerlukan calon menyatakan dua pengajaran berserta contoh berdasarkan cerpen Rindu Tanah Malaya.

Kedua, Kita hendaklah membantu orang yang berada dalam kesusahan. Contohnya Salmah membantu Seremata Vakarusa yang tercedera akibat pengurangan.  
Ketiga, Janganlah kita saling membenci. Contohnya Seremata Vakarusa tidak pernah membenci Salmah kerana dia mencintai Salmah dan negara Malaysia.

Calon berjaya memberikan dua pengajaran dan disertakan dengan contoh yang tepat. Jawapan yang diberi juga menggunakan ayat perintah dalam bentuk suruhan atau larangan sebagai pengajaran.

c	dua pengajaran
	kita hendaklah mempertahankan tanah air daripada musuh negara selain itu kita hendaklah mematuhi undang-undang negara. seperti Salmah yang sanggup mengadiskan nyawa untuk mempertahankan tanah air daripada di sarak.

Contoh jawapan di atas, calon mengemukakan satu pengajaran yang tepat contohnya tidak dinyatakan. Pengajaran kedua yang dinyatakan oleh calon adalah tidak tepat kerana tidak berkaitan dengan cerpen Rindu Tanah Malaya.

6. Berdasarkan novel Dari Lembah Ke Puncak karya Ghazali Lateh huraikan:  
a) Dua persoalan.

Soalan ini memerlukan calon memberikan dua persoalan berserta contoh berdasarkan novel Dari Lembah ke Puncak.

6. Persoalan dalam novel Dari Lembah ke Puncak karya Ghazali Lateh ialah persoalan tentang kegigihan seorang anak yang memenuhi amanah bapanya. Contoh, Jalil berusaha mengusahakan tanah sawah yang diberi amanah oleh ayah bapanya itu Mak Teh.

Kedua, persoalan tentang kasih sayang anak terhadap ibu. Jalil amat menyayangi ibunya. Mak Teh walaupun Mak Teh sering memarahinya dan selalu membela Muhsin, abangnya yang selalu menimbulkan masalah.

Contoh jawapan di atas amat tepat. Calon telah memberikan dua persoalan yang tepat berdasarkan novel Dari Lembah ke Puncak. Setiap persoalan yang diberikan oleh calon disertakan contoh yang sesuai bagi menyokong pernyataan tersebut.

6. Berdasarkan novel Dari Lembah ke Puncak, karya Ghazali Lateh, huraikan:

a) Dua persoalan.

Yang pertama, keistimewaan sifat Jalil yang ingin menunaikan amanah bapanya. Yang kedua, ketabahan Jalil membawa kepada kejayaan.

Contoh jawapan di atas tidak menepati kehendak soalan. Perkara ini disebabkan calon tidak dapat mengemukakan persoalan dengan tepat. Watak dalam novel dinyatakan dalam persoalan. sedangkan persoalan hanya merupakan satu pernyataan sahaja tanpa sebarang watak.

## b) Tiga pengajaran

Soalan ini merupakan calon memberikan tiga pengajaran berserta contoh daripada novel Dari Lembah ke Puncak.

b) Tiga pengajarnya ialah kita hendaklah sabar menempuhi segala dugaan
misalnya dalil walaupun dipukul, di hina dan namun dia tetap sabar dan
walaupun kuah telah membuat kakinya luka namun dia tetap sabar
dan tidak membalasnya balik. seterusnya, kita hendaklah gigit mencapai
sesuatu kejayaan misalnya dalil walaupun dia tidak mendapat
kasih sayang dari ibunya namun dia tetap berusaha belajar dan mengambil
SPM bagi mengubah nasibnya dalil juga gigit mengusahakan jawah padi
peninggalan arwah ayahnya setelah ibunya menjual tanah itu dia berusaha
gigit mencari wang menebus tanah itu kembali. Akhir sekali, kita janganlah
menuduh orang lain tanpa bukti misalnya orang kampung dan kudin yang
ada menuduh Muhsin melarikan 8000 ringgit tanpa mengetahui apa-apa. Akhirnya
Biah menceritakan hal sebenar bahawa ayahnya telah meragui dia dan
dia mencari Muhsin di Kuala Lumpur

Calon berjaya memberikan tiga pengajaran yang tepat berserta contoh daripada novel Dari Lembah ke Puncak. Calon menggunakan ayat perintah dalam bentuk suruhan atau larangan sebagai pernyataan pengajaran. Setiap pengajaran juga disertakan dengan contoh yang sesuai daripada novel.

6 b) Tiga pengajaran.

Yang pertama, kita hendaklah berusaha menunaikan amanah. Yang kedua, kita mestilah menyiasat dahulu sebelum bertindak. Yang ketiga, kita haruslah tolong-menolong antara antara satu sama lain.)

Contoh jawapan di atas menunjukkan calon masih boleh menjawab mengikut kehendak soalan. Bagaimanapun, calon tidak memberikan contoh untuk pengajaran yang dinyatakan.

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Baca teks kajian dan kuasai jalan cerita dengan baik.
2. Kuasai konsep dalam kajian struktural dan istilah khusus dalam sastera.
3. Kuasai panduan teknik menjawab soalan.
4. Faham kehendak soalan dan keperluan jawapan berpandukan peruntukan markah yang diberikan.
5. Tingkatkan kemahiran menjawab soalan mencipta atau menghasilkan puisi atau dialog drama.
6. Baca arahan soalan secara teliti dan berhati-hati sebelum menulis jawapan.
7. Ikuti perkembangan isu semasa khususnya untuk menjawab soalan puisi..
8. Perbanyakkan latihan menjawab soalan berbentuk struktural dan soalan kemahiran berfikir aras tinggi..
9. Berfikir secara kritis dan kreatif.dalam mana-mana kajian teks dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.
10. Berlatih membuat pentaksiran dalam kumpulan belajar untuk mengesan isi-isi jawapan yang tersirat.

### **SARANAN KEPADA GURU:**

1. Kuasai keseluruhan genre dan cerita dalam teks Kesusasteraan Melayu yang dikaji.
2. Kuasai konsep dalam kajian struktural dan istilah khusus dalam sastera.
3. Periksa tugas atau latihan pelajar secara teliti secara berkala.
4. Kuasai teknik menjawab soalan dan sampaikan kepada pelajar.
5. Berbincang dengan pelajar yang bermasalah.
6. Hadiri kursus berkaitan pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu serta bengkel pemantapan pembinaan item serta teknik pemeriksaan skrip jawapan murid.
7. Libatkan diri sebagai pemeriksa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat SPM yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan.
8. Kuasai pelbagai pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam pengajaran di kelas dengan memberikan tumpuan dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)
10. Kuasai Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran dengan baik.